

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 3 (43)

19 Disember 2023
6 Jamadil Awal 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 58/2023

PENINGKATAN KES JANGKITAN COVID-19 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Peningkatan kes jangkitan COVID-19 di UTM termasuk jangkitan yang berlaku secara dalaman di sesetengah Jabatan sejak akhir-akhir ini adalah dalam keadaan membimbangkan. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan diingatkan agar memastikan tahap keselamatan di Jabatan masing-masing adalah baik dan risiko penularan jangkitan COVID-19 dalam keadaan terkawal.

2. Sekiranya bilangan kes jangkitan COVID-19 meningkat ke satu tahap yang membimbangkan, Ketua Jabatan boleh mengarahkan staf di Jabatan/ Bahagian/ Unit yang terkesan untuk bekerja dari rumah dalam tempoh tertentu, bagi mengelakkan penularan jangkitan yang lebih serius. Ketua Jabatan boleh merujuk Pekeliling Pentadbiran Bil. 11/2022: "Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)". Staf yang diarahkan BDR perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling tersebut.

3. Garis Panduan Pengurusan Premis Kerajaan Bagi Mengawal Penularan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 28 Oktober 2021 adalah masih berkuat kuasa untuk dijadikan rujukan. Staf yang dijangkiti COVID-19 perlu merujuk kepada garis panduan yang berkuat kuasa.

4. Semua staf digalakkan untuk melakukan ujian pengesanan COVID-19 RTK (Ag) sendiri sekiranya mempunyai gejala seperti demam, batuk, selsema atau sakit tekak. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) juga adalah amat digalakkan pada masa ini, terutamanya apabila berada di kawasan awam yang sesak. Semua staf diingatkan supaya mengamalkan langkah-langkah pencegahan kesihatan untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah